

TARIKH: 12/12/23  
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia  
MUKA SURAT: 1 § 29.

## JTKSM selamatkan 86 warga asing dua minggu tidak bekerja

**IPOH:** Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) menyelamatkan 86 warga asing dalam Op Penguatkuasaan Perburuhan Bersepadu di tiga tapak pembinaan di negeri ini.

Ketua Pengarah JTKSM, Kamal Pardi berkata, dalam operasi Meru Raya di sini, 52 lelaki diperiksa manakala masing-masing 17 di Tappah dan Sitiawan melibatkan warga Bangladesh, Myanmar dan India.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati, sembilan daripada mereka memegang kad Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) manakala 23 lagi pendatang asing tanpa izin (PATI).

“Operasi dijalankan selepas menerima aduan awam mengenai pengabaian pekerja oleh majikan. Siasatan mendapati mereka masih belum ada pekerjaan lebih dua minggu dan dalam tempoh itu, mereka tinggal di rumah kongsi yang tidak kondusif.

“Pemeriksaan mendapati kebajikan mereka diabaikan apabila penginsapan yang disediakan majikan tiada kumudahan dan sempit,” katanya kepada pemberita di sini.

Kamal berkata, pihaknya akan membantu pekerja yang terabai untuk mendapatkan deker-



Operasi periksa warga asing

KETUA Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Kamal Pardi memeriksa pekerja asing dalam serbuan Penguatkuasaan Perburuhan (OPP) bersepadu di Meru Dream Park, Ipoh semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA (Berita muka 29)

Utusan Malaysia  
ms 1 12/12/23